

Headline **Melahirkan guru bahasa Arab tahan lasak**
Date **10. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **14**
Section **Supplement** Article Size **623** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Melahirkan guru bahasa Arab tahan lasak



GURU-GURU pelatih J-Qaf wajib melepasi beberapa ujian fizikal sebelum terpilih mengikuti *Kursus Bina Insan Guru*, baru-baru ini.

SELAMA empat hari tiga malam mulai 30 Jun hingga 3 Julai yang lalu, guru pelatih J-Qaf (Jawi-Quran-Arab-Fardu Ain) baru, pengambilan Januari 2008 telah mengikuti Kursus Bina Insan Guru (BIG). Ia berlangsung dengan jayanya di Stesen Penyelidikan Sains Marin Universiti Putra Malaysia iaitu di kilometer (km) 12 Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kesemua 61 peserta adalah mereka yang membuat pengkhususan dalam bidang pendidikan bahasa Arab. Mereka adalah lepasan yang mahir berbahasa Arab keluaran dalam dan luar negara yang terpilih daripada puluhan ribu yang memohon. Secara umumnya, mereka sudah memiliki asas-asas dalam ilmu bahasa Arab.

Dalam hal ini, peranan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah membantu mereka meningkatkan pengetahuan dalam teknik penyampaian ilmu bahasa Arab dengan ilmu pedagogi, teknik dan pelbagai kaedah serta pendekatan yang sesuai dan terbaik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, terdapat suatu keistimewaan IPGM yang mungkin sukar didapati di institusi pendidikan lain. Keistimewaan tersebut adalah semua graduan lepasan IPGM sama ada di peringkat diploma mahupun ijazah, mereka perlu lulus dengan jayanya program BIG.

Pemangkin

Dalam hal ini, guru-guru bahasa Arab yang terpilih merupakan mereka yang melepasi beberapa ujian fizikal yang benar-benar mencabar. Setelah diuji dengan pemeriksaan kesihatan oleh mereka yang berkelayakan, barulah mereka dibenarkan mengikuti program ini. Dengan kata lain, hanya mereka yang benar-benar layak dibenarkan untuk turut serta.

Pengendali kursus ini terdiri daripada golongan profesional dalam bidang masing-masing. Mereka ialah Amran Md. Din (Kem Komandan), Tan Kait Keong (Timbalan Kem Komandan) dan Shamsudin Ahmad (Ketua Jurulatih), Razak Sulong (jurulatih air), Ahmad Badrudin Sheikh Osman (jurulatih darat), Huzaifah Abd Rahman (jurulatih darat), Haidatullaila Khalid (jurulatih darat), Mohd. Muhsinul Nidzam Abdullah (konsultan tazkirah), Harun Ujang (ketua fasilitator), Ahmad Roslani Ningal (timbangan fasilitator), Faezah Abd Karim (chef), Faiziah Shamsudin (tutor), Mukarramah Ibrahim (tutor) dan penulis sendiri (Konsultan bahasa Arab).

Perjalanan kembara bermula dari Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Raja Melewar Seremban menuju ke pusat kursus sejauh lebih kurang 45 km dalam panas terik mentari benar-benar menguji kecergasan fizikal. Perjalanan dari pusat kursus diteruskan sepanjang pesisir pantai Port Dickson Sembilan hingga melewati negeri Melaka.

Pelbagai cabaran, dugaan dan halangan perlu dilalui sepanjang kembara dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Kesemua peserta perlu melaluinya dalam tempoh waktu yang ditetapkan sekiranya mahu lulus dalam ujian ini. Antaranya, menyusuri denai, menuruni lurah, mendaki bukit dan gunung, merentasi pasir di pesisir pantai, melewati batu-batan yang berlumut di samping jalan raya yang panas membara.

Para peserta juga dikehendaki mengharungi ombak dan badai Selat Melaka dengan berenang dan

menggunakan kayak. Kesungguhan dan keberanian memang sangat dituntut ketika mengharungi gelora yang tidak menentu di samping berhadapan dengan laluan kapal di sepanjang Selat Melaka yang tersibuk di dunia.

Berkayak secara berkumpulan memang menyeronokkan sehingga ada di kalangan para peserta yang tidak sedar mereka menghampiri Pulau Sumatera, Indonesia. Walaupun banyak keringat yang dicurahkan, namun semangat membara yang tertanam dalam jiwa mereka melupakan keletihan dan

kesukaran yang dilalui.

Semoga pengalaman yang dilalui dalam program ini menjadi pemangkin kepada para guru Bahasa Arab untuk terus berjuang dengan bersungguh-sungguh. Cabaran dan halangan di laut dan darat yang ditempuhi seharusnya dijadikan azimat dalam mengharungi pelbagai halangan dalam bilik darjah.

Dengan kata lain, seorang guru j-Qaf yang mengajar bahasa Arab bukan sahaja aktif dalam kelas tetapi adalah seorang guru yang tahan lasak yang dapat menyesuaikan diri dengan alam sekitar.

| Aktiviti | Gabungan | Bilangan huruf | Falsafah | Catatan | Teori |
|----------|----------|------------------------------------|--|---|---|
| Darat | ب ر | Ada dua huruf iaitu ba dan ra | Segala apa yang ada di darat ada di laut | Perkataan <i>al-barru</i> iaitu darat disebut sebanyak 12 kali dalam al-Quran | Darat dan laut = 12 + 33 = |
| Laut | ب ح ر | Ada tiga huruf iaitu ba, ha dan ra | Tidak semestinya apa yang ada di laut ada di darat | Perkataan <i>al-bahru</i> iaitu darat disebut sebanyak 33 kali dalam al-Quran | Luas darat = 12/45 x 100 Luas laut = 33/45 x 100 |